



Varia



Oleh
**PROF. DR. MOHAMAD
FAZLI SABRI**

RAMADAN merupakan bulan yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh umat Islam. Selain daripada pelbagai kelebihan yang ada, bulan tersebut bagi sesetengah individu merupakan pesta makanan kerana terdapat pelbagai jenis juadah lazat dijual di bazar Ramadan.

Ramai antara kita sebelum ke bazar Ramadan misalnya telah menyediakan bajet untuk membeli juadah sama ada untuk berbuka, moreh atau bersahur. Melihat pelbagai aneka juadah terbentang di depan mata, ia mula mengetuk pintu nafsu.

Walhal mereka yang berpuasa sepatutnya mampu untuk mengawal nafsu. Ramai yang gagal mengawalnya apabila berhadapan dengan situasi sebegini. Secara logiknya perbelanjaan untuk membeli makanan berkurangan atau lebih terkawal berbanding bulan biasa.

Isu pembaziran makanan pada bulan Ramadan sering menjadi topik hangat dibincangkan saban tahun. Malahan statistik daripada Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) melaporkan, sebanyak 270,000 tan metrik makanan dibazirkan pada bulan Ramadan setiap tahun.

Malahan ada laporan daripada media mendedahkan, pembaziran makanan turut bergantung kepada saiz bazar Ramadan. Dilaporkan bazar Ramadan bersaiz sederhana menyumbang purata pembaziran antara 80 hingga 100 kilogram (kg) sehari, manakala bazar Ramadan bersaiz besar mencatatkan purata pembaziran sebanyak 200 kg setiap hari.

Bagi memudahkan perbincangan, andaikan kos bagi setiap 1 kg pembaziran itu berharga RM10.

Dianggarkan kos pembaziran yang dibuat oleh rakyat Malaysia sehari adalah antara RM800 hingga RM2,000.

Untuk tempoh sebulan, dianggarkan kos pembaziran antara RM23,200 hingga RM58,000. Alangkah baiknya jika kos pembaziran ini disalurkan kepada individu dan organisasi memerlukan bantuan kewangan ketika menyambut Ramadan.

Senario di atas kemungkinan kurang berlaku pada Ramadan tahun lepas kerana kerajaan tidak membenarkan semua bentuk bazar Ramadan, sama ada "pandu lalu" atau "tempah dan ambil" berikutan pelaksanaan perintah kawalan pergerakan (PKPP).

Bagaimanapun, perniagaan dalam talian seperti perkhidmatan dihantar ke rumah diteruskan.

Menyedari ramai peniaga kecil terkesan berikutan pandemik Covid-19, kerajaan menerusi Majlis Keselamatan Negara telah membenarkan operasi bazar Ramadan dan Aidilfitri pada tahun ini dengan pematuan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Sekiranya pengguna tidak mengawal perbelanjaan, dijangka isu pembaziran



BERBUKA puasa bersama keluarga bukan sahaja dapat mengeratkan hubungan, malahan dapat mengawal bajet harian.

- GAMBAR HIASAN

Ramadan bulan tingkatkan ekonomi diri, keluarga



BERBELANJA secara berhemah ketika mengunjungi bazar Ramadan dapat mengelakkan pembaziran. - GAMBAR HIASAN



Perbelanjaan yang tidak dilakukan dapat dijadikan sebagai simpanan untuk dana kecemasan atau boleh diberi sumbangan kepada ahli masyarakat yang memerlukan bantuan."

makanan pada bulan Ramadan kembali meningkat seperti tahun-tahun lalu.

Ramadan merupakan tempoh masa sangat sesuai untuk mengajar kita mengawal nafsu dan emosi untuk berbelanja.

Perbelanjaan yang tidak dilakukan dapat dijadikan simpanan untuk

dana kecemasan atau boleh diberi sumbangan kepada golongan memerlukan.

Perbelanjaan Ramadan termasuk dalam kategori perbelanjaan bermusim dan ramai dalam kalangan rakyat biasanya tidak mempunyai bajet khusus untuk kategori perbelanjaan ini.

Disarankan untuk setiap individu dan keluarga menyediakan peruntukan sesuai untuk keperluan perbelanjaan, misalnya berapa bajet diperuntukan untuk membeli juadah di bazar Ramadan atau berapa kos diperuntukan sekiranya menyediakan juadah sendiri.

Berikutan negara masih lagi dilanda penularan pandemik, kini pengguna mempunyai pilihan berbelanja di bazar Ramadan secara fizikal mahupun dalam talian.

Sediakan bajet sesuai, senarai semak dan berdisiplin ketika berbelanja dapat mengelak anda daripada terlebih berbelanja dan mengurangkan pembaziran.

Penyediaan menu juadah berbuka sendiri dilihat salah satu kaedah dapat membantu mengawal perbelanjaan berlebihan ketika Ramadan.

Menu yang disediakan haruslah sesuai dengan bajet. Merancang pembelian bahan mentah perlu diberi perhatian agar kos penyediaan juadah berbuka tidak melebihi kos membeli juadah di bazar Ramadan.

Jika bercadang ke bazar Ramadan, pastikan anda menetapkan jumlah perbelanjaan yang sesuai dan elakkan daripada membeli terlalu banyak makanan.

Sebelum itu, anda perlu membuat perancangan mengenai juadah apa yang ingin dibeli pada hari tersebut.

Dalam pada itu, bufet Ramadan kini hangat dipromosikan dengan tawaran harga istimewa dan kepelbagaian juadah.

Bajet keluarga dijangka meningkat jika bercadang untuk berbuka puasa di luar sama ada di restoran atau hotel.

Anda dinasihatkan membuat analisa berapa banyak bajet diperlukan sekiranya ia melibatkan semua ahli keluarga.

Sebagai peringatan bersama, Ramadan bulan yang pernah keberkatan harus disambut dan diraikan secara berhemah dan berjimat cermat dalam melakukan perbelanjaan serta elakkan diri daripada melakukan pembaziran.

PROF. DR. MOHAMAD FAZLI SABRI ialah Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan Ahli Majlis Kebangsaan, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia.